



Faculty of Applied and Creative Arts

**PENGURUSAN PEMBANGUNAN PENGUNJUNG DI MUZIUM  
NEGERI PERAK, TAIPING**

**Mohamad Firdaus Bin Ismail  
36948**

**Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian  
(Pengurusan Seni)**

**2015**

**PENGURUSAN PEMBANGUNAN PENGUNJUNG DI MUZIUM NEGERI  
PERAK,TAIPING**

**MOHAMAD FIRDAUS BIN ISMAIL**

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk  
Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan Kepujian  
(Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2015

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: \_\_\_\_\_

Please tick (✓)

Final Year Project Report

Masters

PhD

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the .....day of.....2015.

Student's Declaration:

I ..... **MOHD FIRDAUS BIN ISMAIL, 36948, FACULTY OF APPLIED & CREATIVE ARTS**

..... (PLEASE INDICATE STUDENT'S NAME, MATRIC NO. AND FACULTY)

hereby declare that the work entitled **PENGURUSAN PEMBANGUNAN PENGUNJUNG DI MUZIUM NEGERI PERAK, TAIPING.**

..... is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

\_\_\_\_\_  
Date submitted

**Mohd Firdaus Bin Ismail(36948)**  
Name of the student (Matric No.)

Supervisor's Declaration:

I **Mr.Alexandr Anak Chelum**(SUPERVISOR'S NAME) hereby certifies that the work entitled **PENGURUSAN PEMBANGUNAN PENGUNJUNG DI MUZIUM NEGERI PERAK, TAIPING.**

..... (TITLE) was prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY" as a \* partial/~~full~~ fulfillment for the conferment of **BACHELOR OF APPLIED**

..... (PLEASE INDICATE THE DEGREE), and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by: **Mr.Alexander Anak Chelum** Date: \_\_\_\_\_

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):

**CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)\*

**RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organisation where  
research was done)\*

**OPEN ACCESS**

#### Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature \_\_\_\_\_ Supervisor signature: \_\_\_\_\_  
( ) ( )

Current Address:

No 20,Lorong 24,Taman Desa Jana 2,34600 Kamunting,Perak.

Notes: \* If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services

## PENGAKUAN

Projek yang bertajuk **'Pengurusan Pembangunan Pegunjung di Muzium Negeri Perak, Taiping'** telah disediakan oleh **Mohamad Firdaus Bin Ismail** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian Pengurusan Seni.

Diterima untuk diperiksa oleh:

---

( )

Tarikh :

**SENARAI GAMBAR RAJAH :****HALAMAN:**

1.1 Gambar Rajah 1	21
4.1 Gambar Rajah 2 (4.1)	142
4.2 Gambar Rajah 3 (4.2,4.3,4.4,4.5)	144
4.3 Gambar Rajah 4 (,4.6)	145
4.4 Gambar Rajah 5 (4.7,4.8)	158
4.5 Gambar Rajah 6 (4.9,4.10)	161
4.6 Gambar Rajah 7 (4.11,4.12,4.13,4.14, 4.15)	163
4.7 Gambar Rajah (4.16,4.17, 4.18,4.19)	142

**SENARAI JADUAL/ CARTA PAI****HALAMAN****SEKSYEN A:**

4.1 Jadual/ Carta Pai (4.1.1) 81

4.2 Jadual/ Carta Pai (4.1.2) 83

4.3 Jadual/ Carta Pai (4.1.3) 84

4.4 Jadual/ Carta Pai (4.1.4) 85

4.5 Jadual/ Carta Pai (4.1.5) 86

4.6 Jadual/ Carta Pai (4.1.6) 88

**SEKSYEN B:**

4.7 Jadual/ Carta Pai (4.2.1) 89

4.8 Jadual/ Carta Pai (4.2.2) 91

4.9 Jadual/ Carta Pai (4.2.3) 93

4.10 Jadual/ Carta Pai (4.2.4) 94

4.11 Jadual/ Carta Pai (4.2.5) 95

4.12 Jadual/ Carta Pai (4.2.6) 97

4.13 Jadual/ Carta Pai (4.2.7) 98

4.14 Jadual/ Carta Pai (4.2.8) 99

4.15 Jadual/ Carta Pai (4.2.9) 101

## SEKSYEN C

4.16 Jadual/ Carta Pai (4.3.1)	103
4.17 Jadual/ Carta Pai (4.3.2)	104
4.18 Jadual/ Carta Pai (4.3.3)	106
4.19 Jadual/ Carta Pai (4.3.4)	107
4.20 Jadual/ Carta Pai (4.3.5)	108
4.21 Jadual/ Carta Pai (4.3.6)	110
4.22 Jadual/ Carta Pai (4.3.7)	111
4.23 Jadual/ Carta Pai (4.3.8)	112
4.24 Jadual/ Carta Pai (4.3.9)	114
4.25 Jadual/ Carta Pai (4.3.10)	115
4.26 Jadual/ Carta Pai (4.3.11)	117
4.27 Jadual/ Carta Pai (4.3.1.1)	119
4.28 Jadual/ Carta Pai (4.3.1.2)	120
4.29 Jadual/ Carta Pai (4.3.1.3)	121
4.30 Jadual/ Carta Pai (4.3.1.4)	123
4.31 Jadual/ Carta Pai (4.3.1.5)	124



## **Sambungan Seksyen C.**

4.32 Jadual/ Carta Pai (4.3.1.6)	126
4.33 Jadual/ Carta Pai (4.3.1.7)	127
4.34 Jadual/ Carta Pai (4.3.1.8)	129
4.35 Jadual/ Carta Pai (4.3.2.1)	131
4.36 Jadual/ Carta Pai (4.3.2.2)	132
4.37 Jadual/ Carta Pai (4.3.2.3)	134
4.38 Jadual/ Carta Pai (4.3.2.4)	135
4.39 Jadual/ Carta Pai (4.3.2.5)	136
4.40 Jadual/ Carta Pai (4.3.2.6)	137
4.41 Jadual/ Carta Pai (4.3.2.7)	138
4.42 Jadual/ Carta Pai (4.3.2.8)	139

## PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Bersyukur saya ke hadrat Illahi dia atas taufik dan hidayah-nya telah menganugerahkan keupayaan kepada saya untuk menyiapkan projek tahun akhir ini dengan jayanya seperti yang telah dirancang dalam masa yang ditetapkan.

Berbanyak-banyak terima kasih dan penghargaan buat penyelia saya iaitu Encik Alexander Anak Chelum di atas sumbangan idea, nasihat tunjuk ajar dan memberi maklumat ikhlas yang dihulurkan semasa menyiapkan kajian ini. Semoga Tuhan membalas jasa dan sumbangan yang telah diberikan oleh beliau.

Jutaan terima kasih juga kepada Puan Nuraini Puan Nuraini Binti Hassan selaku penolong kanan kurator Muzium Negeri Perak yang terlibat secara langsung memberi kerjasama untuk mendapatkan maklumat mengenai kajian.

Buat keluarga tercinta, ayah Ismail Bin Zainol, Ibu Che Yang Binti Ismail, dan adik beradik yang tersayang semoga sentiasa dilindungi Allah S.W.T dan berbanyak-banyak terima kasih diatas didikan, kasih sayang, bantuan, nasihat serta sokongan yang diberikan tidak putus-putus sari dahulu hingga sekarang. Tidak lupa juga rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberi pandangan dan dorongan dalam menyiapkan kajian ini. Semoga kalian semua Berjaya dalam hidup.

Akhir kata, segala yang baik itu datangnya dari Allah dan segala kelemahan dan kekurangan datangnya dari diri saya sendiri. Oleh itu, berbanyak-banyak mohon dan maaf dipinta sekiranya masih terdapat kekurangan dan kelemahan di dalam sepanjang kajian ini dibuat.

Sekian, Terima Kasih

## ISI KANDUNGAN

---

<b>PERKARA</b>	<b>HALAMAN</b>
<b>PENGESAHAN/ PENGAKUAN</b>	<b>i-iv</b>
<b>SENARAI GAMBAR RAJAH</b>	<b>v</b>
<b>SENARAI JADUAL/CARTA PAI</b>	<b>vi-viii</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>ix</b>
<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>x-xiii</b>
<b>ABSTRAK/ABSTRACT</b>	<b>xiv-xv</b>

### **BAB 1: PENGENALAN**

1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar belakang kajian	2
(Definisi)	
(Objektif muzium)	
(Latar belakang Kewujudan muzium)	
(Sejarah Penubuhan Muzium Malaysia)	
1.2 Permasalahan kajian	11
1.3 Hipotesis Kajian	15
1.4 Objektif Kajian	13
1.5 Persoalan Kajian	16
1.6 Signifikan Kajian	17
1.6 Skop Kajian	19
1.7 Lokasi Kajian	20
1.8 Kesimpulan	22

## **BAB 2: SOROTAN KESUSASTERAAN**

2.0 Pengenalan	23
2.1 Definisi Muzium	24
2.2 Definisi Pengurusan Muzium	27
2.3 Definisi Promosi dan Pengiklanan	30
2.4 Definisi Penglibatan Golongan Belia	34
2.5 Definisi Pembangunan Pengunjung	38
2.6 Peranan Muzium	50
2.7 Kesimpulan	53

## **BAB 3: METODOLOGI KAJIAN**

3.0 Pengenalan	54
3.1 Lokasi kajian	55
3.2 Reka Bentuk Kajian	56
3.3 Kerangka Kajian	57
3.3.1 Langkah 1: Kajian Rintis	57
3.3.2 Langkah 2: Rangka Kerja/Reka Bentuk Kajian	59
3.3.2.1 Rangka Kerja	59
3.3.2.2 Reka Bentuk Kajian: Teknik Persampelan	60
3.3.2.2.1 Kuantitatif persampelan	61
3.3.2.2.2 Kualitatif persampelan	61
3.3.2.3 Populasi Kajian	62
3.3.2.3.1 Kuantitatif populasi	62
3.3.2.3.2 Kualitatif populasi	63
3.4. Langkah 3: Analisa Kajian	63
3.5. Langkah 4: Kesimpulan dan Cadangan	64
3.6 Kaedah Pengumpulan Sumber Data	65

3.6.1 Temubual	66
3.6.2 Pemerhatian	66
3.6.3 Kaedah Kualitatif	68
3.6.3.1 Data Primer	68
3.6.3.2 Data Sekunder	71
3.6.4 Kaedah Kuantitatif	72
3.6.4.1 Data Premier:	73
3.7 Instrumen Kajian	75
3.8 Limitasi Kajian	77
3.9 Kesimpulan	79

#### **BAB 4: ANALISA DATA DAN DAPATAN KAJIAN**

4.0 Pengenalan	80
4.1 Penganalisan data soal selidik	81
4.1.1 Seksyen A: Maklumat Responden	81
4.1.2 Seksyen B : Maklum Balas Responden	89
4.1.3 Seksyen C: Soalan Berbentuk Skala	103
4.4 Penganalisan Data Temubual	141
4.4.1 Menganalisa kaedah didalam teknik penambahbaikan	142
4.4.2 Peringkat kaedah proses penyediaan pameran	143
4.4.3 Kaedah prinsip-prinsip asas sesebuah pameran	146
4.4.4 Kaedah di dalam teknik penyediaan pameran	151
4.4.5 Peragaan di Dalam Peti Pameran	153

4.4.6. Kaedah Penyediaan Informasi Label/Kepsyen	154
4.4.7. Kaedah Multimedia	159
4.5. Mengenalpasti program dan aktiviti	164
4.5.1. Penerangan Aktiviti di Muzium Negeri Perak	167
4.5.2. Kaedah Perkhidmatan di muzium	171
4.6. Mengkaji kaedah promosi	171
4.6.1. Kaedah “Outreach Programme”	173
4.7. Hasil Dapatan Kajian Melalui Pemerhatian	176
4.8 Kesimpulan	178

## **BAB5 : PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN**

5.0 Pengenalan	179
5.1 Perbincangan	180
5.2 Penemuan kajian	185
5.3 Cadangan	190
5.4 Implikasi Kajian	194
5.5 Kesimpulan	195
<b>BIBLIOGRAFI</b>	197
<b>LAMPIRAN</b>	200

## ABSTRAK

Kajian ini adalah sebuah kajian berkenaan Pengurusan Pembangunan Pengunjung di Muzium Negeri Perak, Taiping. Ini dapat diterjemahkan untuk menganalisa kaedah di dalam teknik penambahbaikan yang digunakan untuk pembaharuan di dalam muzium bagi menarik minat pengunjung terutamanya golongan belia supaya hadir ke muzium. Ini dapat diterjemahkan melalui survei yang dilakukan terhadap pengunjung iaitu selaku responden yang hadir ke Muzium Negeri Perak dan disokong oleh fakta-fakta yang diperolehi hasil daripada temubual bersama informan yang pakar dan berpengalaman mengenai bidang pengurusan pembangunan pengunjung di muzium ini. Kajian ini mendapati bagi kaedah di dalam teknik penambahbaikan yang kreatif dan inovatif dibuat oleh pihak muzium telah memberi kesan yang baik dalam menambat hati pengunjung khususnya golongan belia begitu juga pelaksanaan program dan aktiviti yang dibuat sememangnya memberi impak yang berkesan kepada pengunjung untuk menyertai serta kaedah promosi yang digunakan oleh pihak muzium telah banyak perubahan dengan pertingkatkan lagi kaedah promosi melalui teknologi moden, bagi menambat hati pengunjung untuk hadir ini dapat dibuktikan di dalam hasil dapatan kajian pengkaji. Hasil kajian ini memberikan implikasi yang amat besar kepada pengunjung terutamanya golongan belia agar mereka sedar dengan usaha-usaha yang telah dilakukan oleh pihak muzium dalam menarik perhatian pengunjung khususnya golongan belia dengan pembaharuan yang lebih berkesan supaya golongan belia ini hadir berkunjung ke muzium dan menangkis persepsi bahawa muzium tempat yang membosankan serta menjadikan muzium sebagai institusi pendidikan secara tidak formal untuk mereka dan orang ramai.

## ABSTRACT

This study is regarding the Management of the Development and Tourism of Perak Museum, Taiping. This can be interpreted to analyse the methods used in technical improvement and development to the reform of the museum to attract visitors especially the youth nowadays to go to the museum. Besides, this study also can be explained through the survey conducted on visitors, namely as respondents who attended the Perak Museum thus also supported by facts gathered from interviews with informants and experienced experts on the field of management of the development and tourism of this museum. Furthermore, the study found that for the methods in the technique of creative and innovative improvements made by the museum gave a good impression in the hearts of visitors especially to the youth as well as the implementation of programs and activities that are to be seen giving effective impact for visitors to participate, and also methods of promotion used by the museum has been go through a lot of changes to further enhance the promotion methods through modern technology, for the reason of compelling visitors to this show can be proved in the findings of the study. The results of this study provide tremendous implications to the visitors especially the youth so that they are aware of the efforts that have been carried out by the museum to attract visitors especially the youth with more improvements so that the youth nowadays appreciate and value the place called as museum thus visit the museum and change their perception that all museums are boring places instead put museums as informal education institutions not only for youth but also public.



## **BAB1:**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.0PENGENALAN**

Kajian dijalankan untuk mengetahui dan mengetengahkan aspek pengurusan Muzium Negeri Perak sebagai sebuah institusi muzium dalam pentadbiran negeri Perak dan sebagai sebuah khazanah tamadun di negeri Perak dan di Malaysia amnya.Kajian dilakukan untuk mengkaji dan menyelami kaedah-kaedah atau teknik penambahbaikan dan kaedah promosi yang efektif digunakan,untuk pembangunan pengunjung di muzium ini seperti langkah,proses,dan pemerhatian yang dijalankan oleh pihak Muzium Perak untuk menarik minat pengunjung terutamanya golongan belia bagi mengunjungi muzium ini demi pembangunan pengunjung dalam jangka masa yang panjang ini.Hal ini kerana golongan belia sekarang kebanyakan kurang berminat dengan muzium mereka menganggap ianya seperti tempat yang membosankan.Fenomena ini sering dilihat di kaca-kaca televisyen dan di kehidupan realiti sendiri.Muzium merupakan salah satu tempat kepada pengunjung untuk menjadikan sebagai wadah pendidikan dimana ianya juga cara untuk mendapatkan maklumat berkenaan sejarah masa lampau,kebudayaan dan warisan.

## 1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Berdasarkan portal rasmi Majlis Perbandaran Taiping, muzium Negeri Perak di Taiping merupakan muzium yang tertua di Semenanjung Malaysia. Ia terletak di bandar Taiping, kira-kira 85 km dari Ipoh, ibu negeri bagi negeri Perak. Ia juga berhampiran dengan Penjara Taiping dan lebih kurang 1.5 km dari pusat bandar. Kebanyakan koleksi terawal muzium ini adalah bahan-bahan etnologi dan antropologi. Kemudian, koleksi geologi, botani dan entamobologi menjadi spesimen tambahannya. Sehingga hari ini, jumlah koleksi terkumpul adalah sebanyak 8,474 dan terdiri daripada 5,074 koleksi kebudayaan, 523 koleksi alam semulajadi dan 2,877 lain-lain koleksi yang termasuk bahan-bahan arkeologi.

Muzium Negeri Perak yang kaya dengan bahan koleksi etnologi, sejarah, alam semulajadi, arkeologi dan etamobologi yang sebahagiannya diklasifikasikan sebagai koleksi nadir (rare) berusia lebih seratus tahun seperti spesimen binatang jenis benturong dan pulasan, tengkorak dan berpuluh kerangka binatang serta tembikar jenis perasapan yang kini hampir pupus atau sukar ditemui. Kebanyakan kolekis atau artifak ini diperagakan dalam empat galeri utama muzium yang ditempatkan di dalam bangunan berusia hampir 120 tahun yang dibina tahun 1883 berkonsep senibina British kuno jenis Art Dico.

Selain itu Muzium Negeri Perak juga mempunyai koleksi dan galeri. Galeri Alam Semulajadi memaparkan pelbagai jenis spesimen haiwan, burung, ikan, siput dan herberium yang dimasukkan ke dalam peti-peti pameran yang juga unik berusia lebih seratus tahun, di samping ditempatkan ke dalam pelbagai jenis diorama yang merakamkan satu kaedah persembahan ala British dan mengekalkan suasana habitat

haiwan yang menarik penuh dengan unsur estatika yang agung. Seterusnya galeri Kebudayaan pula banyak memperagakan koleksi ataupun artifak daripada pelbagai jenis kerja perusahaan pertukangan, kraftangan dan anyaman masyarakat Malaysia khususnya negeri Perak seperti tekatan yang unik diantaranya telah dihasilkan bonda seorang Sultan Perak. Anyaman tudung saji, tikar pandan dan mengkuang dan termasuk bakul amat halus hasil kerja tangannya, di samping unik, indah, menarik dan kaya dengan nilai-nilai estatika yang semankin sukar diperolehi dekad ini.

Manakala terdapat juga galeri Orang Asli dan Tembikar pula kaya dengan koleksi atau artifak. Perak yang merupakan salah sebuah negeri yang banyak dihuni oleh masyarakat Orang Asli daripada keturunan Melayu Proto, Senoi dan Negroto. Galeri Orang Asli di muzium ini merupakan sebuah jendela ke arah memperlihatkan kehebatan kerja tangan masyarakat ini seperti kehebatan mereka menghasilkan pakaian daripada kulit kayu, banyak menghasilkan alat permainan muzik tradisional di samping kehebatan hasil ukiran dan senikraf seperti patung dan topeng yang banyak diadaptasikan dalam upacara perubatan dan magik. Tembikar yang diperagakan oleh muzium adalah hasil perusahaan tembikar tradisional yang meliputi labu, geluk, belanga, pasu pucung, buyung, kukusan dan perasapan yang berusia lebih 100 tahun. Selain itu muzium juga menganjurkan pameran bergerak khususnya ke sekolah-sekolah sekitar Bandar Taiping dan Bandar-bandar lain yang berdekatnya yang kebiasaannya dilakukan di atas permintaan pihak sekolah yang berminat. Di antara tajuk-tajuk yang ditrampilkan ialah Pameran Kegemilangan Bandar Taiping dan Kesultanan Perak.

### **1.1.1 OBJEKTIF MUZIUM NEGERI PERAK**

Penubuhan Muzium Negeri Perak terdapat lima objektif iaitu :

Memberi pengetahuan kepada masyarakat mengenai sejarah awal penubuhan muzium.

1.1.1.1 Menyebarkan maklumat mengenai perkembangan institusi permuziuman.

1.1.1.2 Memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai kepentingan memelihara warisan sejarah dan budaya Negara.

1.1.1.3 Menarik lebih ramai pelawat mengunjungi muzium.

1.1.1.4 Memupuk semangat cintakan muzium.

### 1.1.2 DEFINISI MUZIUM

Istilah Muzium berasal daripada perkataan Greek Tua “Muse” yang bererti “hibur”. Definisi yang paling awal dikemukakan oleh Geo Brown Goode pada 1895 iaitu :

“An institution for preservation of objects which best illustrate the phenomena of nature and the work of man, and the utilization of these to increase knowledge And for the enlightenment of the people”.-Geo Brown Goode,(1895)-

Muzium juga sebagaimana yang telah didefinisi oleh UNESCO iaitu sebarang perkarangan, bangunan atau tanah atau sebahagian daripada perkarangan bangunan atau sebarang tempat yang digunakan bagi menjalankan kegiatan pemeliharaan, pameran dan penyelidikan ke atas sebarang objek, bangunan atau binaan lain yang menggambarkan perkembangan sejarah di dalam bidang pengetahuan manusia, atau berkenaan dengan sebarang perkara termasuk benda purba, kemahiran serta industri, sama ada secara am atau khusus yang berhubung dengan sebarang daerah atau zaman yang dipersembahkan kepada masyarakat umum, sama ada dikenakan bayaran atau percuma.

### 1.1.3 LATAR BELAKANG KEWUJUDAN MUZIUM

Menurut Nor Hanisah Ahmad(n.d.) didalam Jabatan Muzium Malaysia yang bertajuk” Pengenalan Kepada Dunia Permuziuman” beliau menyatakan Kewujudan muzium yang awal biasanya ditubuhkan sebagai tempat untuk ahli-ahli ilmuan dan ahli-ahli falsafah berkumpul serta bertukar-tukar pandangan. Segala bahanbahan berkaitan sejarah, seni, budaya, astronomi dankeagamaan dikumpul untuk dijadikan sebagai bukti kewujudan bahan kajian yang dilakukan. Sehubungan itu,perpustakaan sering diwujudkan bersama dengan penubuhan sesebuah muzium. Ini adalah untuk menempatkan segala penulisan-penulisan hasil kajian dan rekod-rekod bahan sejarah tersebut. Muzium Alexandria, Mesir dipercayai merupakan muzium pertama yang ditubuhkan didunia iaitu sekitar kurun ke 3 SM oleh Ptolemy II. Ini berikutan penemuan dari inskripsi yang ditulis oleh Tiberius Claudius Balbilus dari Rom sekitar tahun 56 SM. Terdapat juga sumber yang menyatakan ia dibangunkan pada tahun 283 SM oleh Ptolomeus ISoter).

Bagaimanapun, pada tahun 1925, seorang ahli arkeologi bernama Leonard Wolley yang bertugas di Muzium Ashmolean, Oxford, England dikatakan telah menjumpai penemuan yang luar biasa iaitu Muzium Ennigaldi yang didakwa muzium purba pertama di dunia secara tidak sengaja semasa menjalankan kerja-kerja ekskavasi sebuah istana di Babylon. Muzium ini dipercayai dibina pada tahun 530 SM oleh Puteri Ennigaldi, anak perempuan Raja Nabonidus iaitu raja terakhir Empayar Neo-Babylon. Telah menjadi tradisi ketika itu, anak-anak perempuan raja Mesopotamia menjaga hal hal keagamaan dan ilmu pengetahuan.

Pandangan ini dikemukakan oleh Wolley berdasarkan penemuan label muzium terawal yang beliau temui pada kebuk silinder yang diperbuat daripada tanah liat yang ditulis dalam bahasa yang berbeza iaitu bahasa Sumeria purba dan bahasa Semitik yang lebih moden. Wolley di dalam bukunya menyatakan;

*"These," it said, "are copies from bricks found in the ruins of Ur, the work of Bur-Sin king of Ur, which while searching for the ground-plan [of the temple] the Governor of Ur found, and I saw and wrote out for the marvel of beholders."*(wolleyang,1925)

Menurut Wolley(1925), penemuan artifak di Muzium Ennigaldi ini menunjukkan masyarakat ketika itu juga telah mengkaji sejarah dan beribu-ribu pengalaman manusia yang telah hidup dalam tempoh 2500 SM iaitu sejak dari zaman kerajaan Ur lagi. Penemuan label terawal pada artifak purba seperti kebuk dan gendang daripada tanah liat yang ditemui oleh beliau merupakan bukti kejatuhan Empayar Rom. Beliau berpendapat kemungkinan label tersebut telah disediakan 100 tahun atau lebih awal daripada itu dan disimpan, mungkin bersama-sama dengan tarikh tinggalan batu bata asal yang beliau anggap sebagai rekod penggalian saintifik pertama di Ur. Wolley juga sangat kagum dengan kehebatan bidang arkeologi di Ur dan beliau merasakan muzium ini yang paling kuno tetapi telah mendahului muzium moden yang pertama kira-kira dua milenium.

#### **1.1.4 SEJARAH PENUBUHAN MUZIUM DI MALAYSIA**

Menurut B.A.V Peacock(1954) di dalam jurnal yang bertajuk “A Report On Museum In Malaya” beliau menyatakan Pada awal abad ke 20, muzium dikenali sebagai ‘sekolah gambar’ oleh penduduk Tanah Melayu. Institusi permuziuman di Malaysia bermula dengan penubuhan Muzium Perak di Taiping pada tahun 1883. Idea penubuhannya dicetuskan oleh Residen British Perak ketika itu iaitu Sir Hugh Low yang mengarahkan Leonard Wray Junior<sup>5</sup>.

Manakala menurut Sumber daripada Bahagian Komunikasi Korporat, Jabatan Muzium Malaysia, Kuala Lumpur, 2012. seorang Pegawai Penguatkuasa dalam Organisasi Pentadbiran Taman Bukit Larut untuk mengumpulkan segala bahan berkaitan sejarah, sosio-ekonomi, etnologi, geologi, botani dan zoologi. Pada ketika itu, pihak Inggeris merasakan perlunya sebuah pusat untuk mengkaji budaya dan adat resam setempat. Tujuan mereka adalah untuk memahami cara hidup masyarakat tempatan bagi memudahkan mereka mentadbir jajahannya. Selain itu, muzium turut dijadikan sebagai pusat rekreasi dan tempat pertemuan sosial komuniti penjajah. Ia juga merupakan salah satu instrument propaganda pihak Inggeris untuk memperlihatkan sumbangan penjajah kepada masyarakat yang dijajah.

Pada tahun 1888, Muzium Sarawak ditubuhkan di Kuching oleh Raja Sarawak kedua, Sir Charles Brooke. Kemudian, pada tahun 1907, Muzium Selangor pula ditubuhkan. Bagaimanapun, bangunannya hampir musnah akibat terkena ledakan bom yang digugurkan oleh kapal terbang B29 tentera Bersekutu pada 10 Mac 1945 iaitu di akhir Perang Dunia Kedua. Selepas negara mencapai kemerdekaan, Muzium Negara dibina di atas tapak yang sama dan dirasmikan penubuhannya pada 31 Ogos 1963.